

Ingatan kepada pelabur tempatan

BH 21 FEB 2000

BUKIT MERTA JAM, Ahad – Pelabur tempatan diingatkan tidak membiarkan diri mereka dibelenggu spekulasi liar yang mengongkong prestasi Indeks Komposit (IK) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ini penting sebagai langkah mengelakkan muncul khabar angin yang boleh melumpuhkan perkembangan positif di bursa itu yang sedang dinikmati sejak kebelakangan ini.

Timbalan Perdana Menteri, turut menegur pihak yang gemar menyebarkan khabar angin berhubung pasaran saham untuk kepentingan peribadi.

“Saya harap tidak ada pihak sengaja menyebarkan khabar angin hendak menjual sahamnya sehingga ia jatuh. Kemudian (dia) beli balik.

“Sejak ekonomi menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan dengan IK mencecah paras lebih 1,000 mata minggu ini, saya harap tidak ada sebarang khabar angin disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab,” katanya selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran Pergerakan Pemuda dan Wanita Gerakan negeri, di

Dewan Pertubuhan Kebajikan Tek Chiao di Tanah Liat, dekat sini, tengah hari ini.

Pasaran saham mencecah paras tertinggi dengan meningkat lapan mata Khamis lalu iaitu 1,006 iaitu yang paling tinggi sejak krisis ekonomi melanda seluruh negara pada Julai 1997.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya, Pengerusi Wanita Gerakan, Datuk Kee Phaik Cheen, Setiausaha Gerakan negeri, Dr Teng Hock Nan dan beberapa pemimpin parti lain.

Terdahulu, dalam sambutan Tahun Baru Cina di Sekolah Menengah Jit Sin, Abdullah menyeru rakyat Malaysia bersatu dan bekerjasama memberikan sokongan kepada usaha pemimpin negara membawa pembangunan serta keamanan.

“Sokongan itu penting kerana anda sendiri yang memilih kerajaan yang ada sekarang melalui pilihan raya umum yang diadakan tahun lalu.

“Yang penting disedari ialah kerajaan Barisan Nasional (BN) yang anda pilih mendapat semangat baru untuk meningkatkan komitmen dalam usaha memperbaiki taraf hidup rakyat,” katanya.